

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN TAHUN 2022 BAGI SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN (TOBTAB) DAN SYARIKAT MALAYSIA MYSECOND HOME (MM2H) YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC

1. Adakah semua syarikat TOBTAB dan MM2H layak untuk Bantuan Kewangan Tahun 2022?

**Ya. Semua syarikat TOBTAB dan MM2H yang memenuhi syarat layak memohon bantuan ini.**

2. Syarikat saya telah menerima bantuan kewangan di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Inisiatif Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Adakah syarikat saya perlu mengemukakan permohonan semula bagi bantuan kewangan ini?

**Ya. Syarikat TOBTAB dan MM2H yang telah menerima bantuan kewangan di bawah inisiatif PEMERKASA dan PEMULIH perlu mengemukakan permohonan baharu.**

3. Sekiranya syarikat saya yang mempunyai 1 atau lebih cawangan, adakah setiap cawangan layak memohon bantuan kewangan ini?

**Ya. Setiap syarikat TOBTAB dan MM2H dibenarkan mengemukakan permohonan lesen cawangan. Walau bagaimanapun ianya terhad kepada dua (2) cawangan sahaja.**

4. Adakah lesen syarikat yang telah tamat tempoh sebelum/ pada 31 Disember 2020 layak menerima bantuan ini?

**Tidak layak. Hanya syarikat yang tamat tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 28 Februari 2022 layak dipertimbangkan sekiranya telah mengemukakan permohonan pembaharuan dengan Pejabat MOTAC Negeri pada atau sebelum 28 Februari 2022 dengan syarat semua dokumen pembaharuan telah lengkap dihantar dan fi proses telah dibayar.**

5. Adakah syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak layak menerima bantuan ini?

**Syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak** yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah **Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594]** dan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak menerima bantuan ini.

6. Adakah Bantuan Kewangan Tahun 2022 ini dikategorikan mengikut jenis lesen syarikat?

**Tidak. Semua syarikat yang memegang apa-apa jenis lesen layak memohon seperti syarat yang ditetapkan (*inbound/outbound/ ticketing/umrah*).**

7. Jika terdapat syarikat TOBTAB dan MM2H yang tidak layak menerima bantuan ini berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MOTAC, adakah syarikat tersebut boleh membuat rayuan kepada MOTAC?

**Hanya syarikat TOBTAB dan MM2H berlesen dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak dipertimbangkan bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.**

8. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan dengan bayaran Bantuan Kewangan Tahun 2022 ini, bagaimanakah orang ramai boleh mendapat maklumat?

**Makluman berkenaan Bantuan Kewangan Tahun 2022 ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi dan Facebook rasmi MOTAC. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan.**

9. Di manakah syarikat perlu mengemukakan Borang Bantuan Kewangan Tahun 2022 dan dokumen sokongan yang lain bagi menerima bantuan ini?

**Syarikat TOBTAB dan MM2H yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lain melalui borang atas talian (<https://www.motac.gov.my/BantuanTobtabMm2h>).**

10. Adakah syarikat TOBTAB dan MM2H boleh mewakili cawangannya mengemukakan permohonan bagi ibu pejabatnya?

**Tidak. Hanya Ibu pejabat / syarikat induk sahaja yang layak memohon bantuan ini.**

11. Apakah kaedah penyaluran bantuan kewangan ini kepada pemohon?

**Bayaran kewangan ini hanya akan dikreditkan ke dalam akaun syarikat yang aktif sahaja**

12. Bolehkah penyaluran bantuan kewangan ini dikreditkan ke dalam akaun selain akaun syarikat seperti akaun Ahli Lembaga Pengarah/ pemegang saham/ lain-lain akaun?

**Tidak Boleh. Bayaran kewangan ini hanya akan dikreditkan ke dalam akaun syarikat yang aktif sahaja**